

29 JUL 1999

MIC-Imej (Fokus Berita)

MIC MAHU HAPUS IMEJ 'KELAS BURUH' MASYARAKAT INDIA

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Untuk menghapuskan jolokan "kelas buruh" yang sekian lama dikaitkan dengan masyarakat India, Perhimpunan Agung MIC Ke-53 pada hujung minggu ini akan berusaha membuat perubahan dengan membentuk imej baru masyarakat itu bagi mencerminkan kejayaan mereka dalam semua bidang.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini berkata masanya sudah tiba bagi masyarakat India dikategorikan sebagai tenaga kerja intelek dan mahir.

Beliau berkata dengan kedatangan alaf baru, masyarakat India tidak lagi sepatutnya membawa "imej penjajah" itu ke abad 21.

"Perlu ada perubahan drastik dalam masyarakat India, satu perubahan yang akan mencerminkan situasi pada masa ini dan keperluan alaf baru," katanya kepada Bernama menjelang perhimpunan dua hari itu.

Sebanyak 5,300 anggota perwakilan dan pemerhati, termasuk hampir semua pemimpin organisasi berasaskan masyarakat India dijangka menghadiri perhimpunan itu di PWTC di sini, menjadikannya perhimpunan terbesar dalam sejarah MIC.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikannya. Perhimpunan tahun ini juga akan dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata untuk mewujudkan imej baru itu, peluang pendidikan bagi masyarakat India perlu dipertingkatkan.

MIC akan meminta kerajaan menyediakan lebih banyak peluang bagi kaum India di universiti tempatan, termasuk memberikan lebih banyak pinjaman pendidikan.

"Pendidikan adalah tonggak bagi masa depan. Kita akan terus memberi penekanan kepada perkara ini," katanya.

Samy Vellu berkata MIC juga akan meminta kerajaan meluluskan cadangan parti itu untuk menubuhkan sebuah universiti perubatan.

Presiden MIC itu juga berharap untuk menggunakan peluang itu bagi memberi penjelasan kepada 1,300 perwakilan mengenai perkembangan membabitkan masyarakat itu baru-baru ini termasuk pembubaran Kumpulan Wang Buruh India Selatan.

Pemimpin-pemimpin parti berkata perhimpunan kali ini akan cuba mengupas kembali pelbagai isu untuk mengenal pasti isu-isu utama yang dihadapi masyarakat India dalam usaha untuk memberi nafas baru kepada parti itu.

Bagi memastikan parti itu kekal relevan, mereka berkata Samy Vellu dijangka menarik perhatian perwakilan kepada isu sebenar, bukan isu yang "direka" oleh pembangkang.

Menurut mereka, Samy Vellu akan mengenal pasti masalah itu dan penyelesaian kepada isu-isu itu dan meminta perwakilan mengemukakan cadangan.

Setiausaha Agung MIC Tan Sri K.S.Nijhar berkata perhimpunan itu dijangka meluluskan pindaan perlembagaan parti yang akan memberi kuasa kepada presiden melantik anggota tambahan ke Jawatankuasa Kerja Pusat, badan pembuat dasar parti itu.

Pindaan itu juga akan meningkatkan bilangan perwakilan bagi sayap Pemuda dan Wanita untuk menghadiri perhimpunan agung MIC akan datang daripada 10 kepada 35 anggota.

--BERNAMA

ES RHM MAI

